



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 3

RABU 18 JANUARI, 1984.

رابو 14 ربيع الاخير 1404

PERCUMA

PENGUMUMAN KHAS

SATU pengumuman khas mengenai corak pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dibuat pada hari Jumaat 13 Januari melalui siaran radio dan televisyen Brunei.

Pengumuman tersebut dibacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Muda Haji Mohd Alam menjelaskan corak pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Kandungan pengumuman khas itu sepenuhnya adalah seperti berikut:—

"PADA menjunjung titah perintah His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Muda Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada sembah nasihat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, mengenai dengan penjelasan sambungan sembah nasihat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di dalam perenggan kedua dalam muka surat empat melalui warkah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada meringkaskan sembah nasihat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin iaitu corak pentadbiran Kerajaan His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ialah pentadbiran politik yang sihat yang dihadapkan oleh enam Menteri-Menteri Kabinet, bercorak pentadbiran Ugama Islam, menurut wahyu yang dibawa oleh Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, bercorak pentadbiran dari segi Adat Istiadat, yang akan menyembahkan tiga nasihat, empat dengan nasihat Penasihat Umum, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, His Majesty Paduka Seri Baginda Sultan selaku Perdana Menteri dan Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri semua itu adalah Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Juga selaku Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, 6 Menteri-Menteri Kabinet, 5 Menteri-Menteri Ugama, 2 atas nama Pehin-Pehin Menteri mengikut gelaran, kemudian yang di bawah sekali ialah nasihat daripada General Advisor to His Majesty atau Penasihat Umum, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim."

Majlis dialog kerjasama pengangkutan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis dialog mengenai saham dan projek syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional Dengan Tanggungan Berhad akan diadakan di Dewan Kuliah Peringatan Churchill di sini pada hari Ahad 22 Januari, 1984 mulai jam 9.00 pagi.

Dialog tersebut bertujuan untuk menerangkan projek-projek syarikat ini dan juga untuk menjual saham syarikat bagi membiayai 40 buah lori 'S' yang telah diluluskan oleh Lem-

baga Melesen Kenderaan Bermotor dan lain-lain projek yang sedang diusahakan seperti bas awam dan pengangkutan lain.

Oleh itu orang ramai terutama sekali pemilik-pemilik pengangkutan bas, teksi dan lori adalah dipersilakan hadir ke majlis tersebut.

Dialog ini akan disertai oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Pengawal Pengangkutan Darat dan ahli-ahli Jawatankuasa SKPN.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Awang Charles Berrice Knight Mentell menjadi Pesuruhjaya Mahkamah Besar bagi tempoh tiga tahun.

Istiadat mengangkat sumpah bagi perantakan itu telah dilaksanakan di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien di Istana Darul Hana pada petang hari Isnin 16 Januari lepas (gambar atas).

Surat perantakan Awang Charles Berrie Knight Mentell telah dibacakan oleh Yang Amat Mulia Grand Chamberlain Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin.

Berangkat ke Istiadat itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Hadir sama ialah Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan; Yang Amat Mulia Speaker Majlis Mesyuarat Negeri; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Undang-Undang.

KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE CASABLANCA

BANDAR SERI BEGAWAN 14 Januari 1984 — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berangkat ke Casablanca, Morocco untuk menghadiri Sidang Kemuncak Islam Keempat Pertubuhan Persidangan Islam di Casablanca.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghadiri sidang ketiga hari itu, yang bermula pada 16 haribulan Januari 1984 atas undangan Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Hassan dari Maghribi.

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha

Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain diiringi oleh para isteri ahli-ahli rombongan dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.

Turut serta dalam rombongan Diraja ialah Yang

Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap. Juga menyertai rombongan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Kolonel Pengiran Haji Ibnu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan mengurniakan titah di sidang itu yang dihadiri

(Lihat muka 16)

Lembaga baru bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebuah lembaga baru bagi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Pengerusi baru bagi Diraja Brunei ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Timbalan Menteri kewangan sebagai wakil Menteri Kewangan.

Timbalan Pengerusi ialah Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap dan Setiausaha Kementerian Kewangan yang masih belum diumumkan dilantik sebagai Pengarah-Pengarah baru bagi RBA.

Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa kekal menjadi ahli lembaga tersebut.

Lantikan-lantikan tersebut mula berjalan kuatkuasa mulai 11 Januari, 1984. RBA

MANISNYA IMAN

"KEPUNYAAN Allah apa yang di langit dan di bumi, dan kepada-Nya dikembalikan segala perkara." — Makna ayat 109, Surah Ali 'Emran.



18 JANUARI, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEANGGOTAAN DALAM ASEAN — OIC:

PERHATIAN DAN MINAT RAKYAT

DALAM masa tidak sampai dua minggu
semenjak mengambil alih sepenuhnya
tanggungjawab sebagai sebuah negara

yang berdaulat lagi merdeka kita telah pun
menempati kedudukan yang wajar di arena
antarabangsa.

Kemasukan dalam Pertubuhan Negara-
Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Per-
tubuhan Persidangan Negara-Negara Islam
(OIC) dalam tempoh yang se-
singkat itu bukan sahaja menandakan
yang kita lebih awal telah membuat
persediaan bahkan lebih awal pula sudah
menimbangkan arah dan haluan yang akan
dituju dalam perhubungan antarabangsa.
Yang sedemikian itu serba sedikit telah
pula menjelaskan kedudukan dasar-dasar
luar negeri yang akan kita ikuti serta
amalkan.

Maka setakat ini keanggotaan ke dalam
kedua-dua pertubuhan itu tidak syak lagi
adalah suatu kemajuan yang membang-
gakan kita. Inilah maknanya yang negara
kita sekalipun kecil, dan kita sendiri
sekalipun tidak ramai; telah disetarakan
dengan negara-negara dan bangsa-bangsa
yang besar di dalam dan di luar rantau kita
ini. Inilah sebagai kesan pendedahan
sepenuhnya untuk memikul tanggung-

jawab antarabangsa dalam keadaan siasah
dan pergolakan dunia yang saling kesan-
mengesani dalam perhubungan antara
negara-negara.

Soal sejauh mana siasah dan pergolakan
yang sedemikian itu akan mempengaruhi
sikap kita di dalam negeri adalah bergan-
tung kepada beberapa faktor. Antaranya
yang penting ialah perhatian yang teliti
pada menentukan kepentingan kita. Dalam
memelihara kepentingan tersebut itulah
kita dipercayai akan mengamalkan dasar-
dasar yang seimbang positifnya bukan
sahaja terhadap masyarakat antarabangsa
bahkan juga terhadap masyarakat kita sen-
diri di dalam negeri.

Maka sehubungan dengan kepercayaan
itulah kita menampak pencapaian kema-
juan di peringkat antarabangsa dalam masa
yang singkat itu memberi harapan untuk
pencapaian kemajuan di dalam negeri. Kita
percaya perhatian dan minat rakyat masih
besar untuk mengesan peningkatan kema-
juan di dalam negeri berikutan pencapaian
kemerdekaan dan dengan adanya susunan
baharu pentadbiran Kerajaan. Kita sama

berfaham bahawa pencapaian kemajuan di
dalam negeri adalah merupakan suatu lan-
jutan pembangunan dan perkembangan
yang telah dirancang dan dilaksanakan
dengan baiknya. Ertinya, tidaklah tepat
kita beranggapan yang negara kita baru
akan memulakan serba-serbi dalam semua
aspek Kerajaan apa lagi yang melibatkan
perkembangan sosioekonomi negara dan
rakyat, sebab Negara Brunei Darussalam
yang merdeka bukan baru wujud semenjak
merdeka.

Perhatian dan minat yang besar di
kalangan rakyat untuk mengesan per-
ingkat kemajuan di dalam negeri bolehlah
kita ibaratkan sebagai kuntum harapan
yang memperindah taman kemerdekaan
setakat ini. Harapan itulah yang akan terus
menyalakan bara api keghairahan terhadap
makna kemerdekaan yang bagi kita bukan
setakat untuk dinikmati lazatnya bahkan
juga untuk ditnani dan dijunjung serba-
serbi kemungkinannya bagi memastikan
berkeadaan selamat, sempurna
sehingga ke hari kendia.

Selamat berjaya!

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Seramai 1993
orang calon dari 2445
calon di seluruh negara
yang menduduki Peperik-
saan Brunei Junior Cer-
tificate of Education
dalam bulan November
tahun lalu telah lulus, iaitu
bersamaan dengan 81.51
peratus.

Menurut analisa
keputusan yang
dikeluarkan oleh Lembaga
Peperiksaan Brunei
menunjukkan tiga buah
sekolah — sebuah dari
sekolah Kerajaan dan dua
dari Sekolah Misi telah
mendapat 100 peratus
kelulusan. Sekolah-sekolah
tersebut ialah Maktab
Melayu Paduka Seri
Begawan Sultan/Sekolah
Sains, Sekolah St.
Margaret's dan Sekolah St.
John's kedua-duanya dari
Daerah Belait.

Dari jumlah yang lulus
itu, seramai 632 orang
calon mendapat Bahagian
Satu, 916 orang mendapat
Bahagian Dua dan 445
orang mendapat Bahagian
Tiga.

Seramai 1,727 orang
calon dari sembilan buah
sekolah Kerajaan, seramai
1484 orang telah lulus.
Peratus kelulusan adalah
bersamaan dengan 85.83

peratus.

Sekolah Inggeris Per-
dana Wazir, Kuala Belait
dan Maktab Anthony
Abell, Seria masing-
masing menduduki tempat
kedua dengan 94.49
peratus lulus.

Ini diikuti oleh Maktab
SOAS dengan 91.03
peratus, Sekolah
Menengah Sultan Hassan,
Bangar dengan 87.50
peratus, Sekolah Tinggi
Perempuan Raja Isteri
dengan 85.31 peratus,
Sekolah Inggeris Berakas
84.64 peratus, Sekolah
Menengah SMJA dengan
80.69 peratus dan Sekolah
Menengah Sungai Kebun
dengan 75.97 peratus.

Sepuluh buah Sekolah
Misi dan Cina
mengemukakan seramai
426 orang calon. Dari
jumlah itu seramai 396
calon telah lulus iaitu ber-
sama dengan 92.96
peratus.

Sekolah Menengah
Chung Hwa Bandar Seri
Begawan mendapat 98.33
peratus lulus, Sekolah St.
Andrew's mendapat 97.26
peratus, Sekolah St.
Michael's mendapat 96.43
peratus, Sekolah St.
Angela's Convent men-
dapat 96.15 peratus,
Sekolah St. George's men-
dapat 90.54 peratus,
Sekolah St. James dengan
80.77 peratus, Sekolah

Menengah Chung Hwa
Kuala Belait dengan 90.00
peratus dan Sekolah
Menengah Chung Ching,
Seria dengan 56.00
peratus.

Dari seramai 292 orang
calon persendirian yang
menduduki peperiksaan
tersebut di enam buah
pusat, hanya 113 orang
sahaja lulus iaitu ber-
sama dengan 38.70
peratus. Dari jumlah yang
lulus itu, seramai 5 orang
mendapat Bahagian Satu,
46 Bahagian Dua dan 62
Bahagian Tiga.

Sementara itu, Lem-
baga Peperiksaan Brunei
juga mengumumkan
keputusan Peperiksaan Si-
jil Rendah Pelajaran
Brunei 1983.

Empat buah dari sem-
bilan buah sekolah di
seluruh negara yang men-
duduki peperiksaan
tersebut telah mendapat
100 peratus kelulusan.
Keramaian calon yang
menduduki peperiksaan
tersebut di seluruh negara
ialah 421 orang. Dari

jumlah itu seramai 351
telah lulus iaitu bersamaan
dengan 83.37 peratus.

Sekolah-sekolah yang
mendapat 100 peratus
lulus itu ialah
MMPBS/Sekolah Sains,
Sekolah Menengah Arab
Lelaki Hassanah Bolkiah,
Sekolah Menengah Sultan
Hassan dan Sekolah
Agama Menengah Perem-
puan Raja Isteri Pengiran
Anak Damit.

Ini diikuti oleh Sekolah
Menengah Melayu
Muhammad Alam dengan
96.67 peratus, Sekolah
Menengah Melayu Ahmad
Tajuddin dengan 93.33
peratus, Sekolah
Menengah Bendahara
Sakam, Bunut dengan
81.08 peratus, Sekolah
Menengah Melayu Muda
Hashim, Tutong dengan
76.36 peratus dan Sekolah
Menengah SMJA dengan
58.56 peratus.

Keputusan penuh bagi
Peperiksaan BJCE dan
SRPB 1983 disiarkan di
muka 7, 8, 9.

1993 CALON LULUS BJCE

Seorang lagi memeluk Islam

TUTONG. — Seorang lagi
pemuda Dusun memeluk
Islam di satu majlis yang
berlangsung di Pejabat
Agama daerah ini pada
1 Januari yang baru lalu.

Awang Ambali bin Siuk
telah melafazkan ikrar
Islamnya di hadapan
Awang Haji Abd. Hamid
bin Haji Tamat, Penolong
Pegawai Perkembangan
Agama di pejabat tersebut
dengan disaksikan oleh
Ahli-Ahli Jawatankuasa
Persatuan Saudara-
Saudara Baru Daerah
Tutong. Awang Ambali
kini dikenali sebagai
Awang Hambali bin Ab-
dullah.

Di akhir majlis Awang
Hambali telah menerima
cenderamata yang disam-
paikan oleh Awang
Othman bin Uking selaku
Yang Dipertua Persatuan
Saudara-Saudara Baru
daerah tersebut.

Muzium tayangkan filem

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Bahagian
Perkhidmatan Pelajaran
Muzium Brunei akan
menayangkan filem yang
bertajuk PEOPLE OF
THE TINJAR RIVER.


Filem yang mengisahkan
kehidupan orang-orang
Kayan di Sungai Tinjar,

Sarawak itu akan di-
tayangkan pada 19, 21 dan
22 Januari, 1984. Orang
ramai boleh menyaksikan
filem tersebut pada jam
10.00 pagi dan jam 2.30
petang.

Filem tersebut dipinjam
dari bahagian Khidmat
Pelajaran Syarikat Minyak
Shell Brunei Berhad.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 18 hingga 24 Januari 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	18.1.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	18.1.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	18.1.1984	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	21.1.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	21.1.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	21.1.1984	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Di hadapan Rumah Penghulu Mukin Serasa Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara	22.1.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di hadapan Kedai Pekan Muara	22.1.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	23.1.1984	Ahad	11.30-12.00 T/Hari
Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas,	23.1.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	24.1.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lznbak	24.1.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
	24.1.1984	Selasa	10.30-11.30 "



EMPAT orang lagi Pegawai Bomba sedang mengikuti Kursus Asas Kebombaan di United Kingdom selama kira-kira lapan bulan.

Mereka ialah Pegawai Balai Percubaan Wan Ramli bin Wan Ibrahim, dan tiga orang
Penolong Pegawai Balai Sofian bin Haji Tahir, Ahmad bin Haji Bokhari dan Ahmad bin Haji
Daud.

Mereka berlepas minggu lepas dan dijangka kembali ke tanah air bulan Ogos depan.



SALAH seorang kakitangan syarikat yang telah mencapai perkhidmatan melebihi 25 tahun sedang menerima 'Lencana Kerja Lama' dari Pengarah Urusan, Awang Peter Everett.

SYARIKAT MINYAK SHELL BERI PELUANG KEPADA RAKYAT

SERIA. — Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad akan terus memberikan peluang kepada rakyat negara ini yang mempunyai ke-lulusan bersesuaian untuk maju ke kedudukan yang tinggi di dalam BSP dan BLNG.

Demikian ditegaskan oleh Pengarah Urusan syarikat tersebut Awang Peter Everett di Majlis Penyampaian 'Lencana Kerja Lama' bagi 134 orang kakitangannya yang telah berkhidmat lebih 25 tahun yang diadakan di Kelab Ria Setia (SRC)

pada malam khamis lepas.

Walau bagaimanapun, katanya, bilangan orang-orang Brunei yang mempunyai kelayakan-kelayakan teknikal yang bersesuaian adalah agak kecil.

Untuk itu, jelas Awang Peter Everett lagi, pihak syarikat berusaha sedaya upaya mengadakan latihan teknikal di dalam BSP dan BLNG dan akan memberikan segala bantuan yang boleh kepada Kerajaan demi memperbaiki kualiti dan kuantiti pendidikan teknikal yang ada di negara ini.

"Bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang kita akan terus memerlukan pekerja-pekerja asing yang mempunyai kepakaran teknikal yang bersesuaian untuk membantu kemahiran-kemahiran yang terdapat di dalam negeri," tegas beliau seterusnya.

Terdahulu dari itu, Pengarah Urusan itu telah melahirkan penghargaan kepada kakitangan yang menerima lencana-lencana pada malam itu atas sum-bangan penuh mereka terhadap kejayaan ekonomi perusahaan minyak dan gas di negara ini.

Beliau berkeyakinan mereka akan terus memberikan sumbangan sedemikian di masa-masa akan datang.

Di antara yang hadir pada malam itu ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin; Penolongnya, Pg. Alihasan bin D.S.L.J. Pg. Haji Abas; pegawai-pegawai kanan syarikat dan suami-suami dan isteri-isteri penerima-penerima lencana di majlis itu.

Memucang-mucang

LUMAPAS. — Ahli-ahli Syarikat Kerjasama Kampung Lumapas (KEKAL) minggu lalu telah memucang-mucang membersihkan bangunan kedai syarikat tersebut di samping mengemaskan lagi pentadbiran syarikat itu.

Menurut Pengerusi syarikat tersebut sambutan dan sumbangan ahli-ahlinya adalah menggalakan sehingga syarikat tersebut dapat berjalan dengan baik.

BADAI ADAKAN MAJLIS KESYUKURAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Ugama dan Dakwah Islamiah (BADAI) Sekolah Menengah Inggeris Sungai Kebun telah mengadakan satu Majlis Sambutan Maulud Nabi dan Doa Kesyukuran Sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam bertempat di dewan sekolah itu pada pagi hari Sabtu lepas.

Acara kemuncak hari itu ialah syarahan khas yang disampaikan oleh tetamu kehormat, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir, Pegawai Kanan Bahagian Dakwah dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Majlis itu telah diserikan juga dengan deklamasi sajak oleh Dayang Zainab bte Md. Zain dan persembahan 'Zikir Asrakal' oleh guru-guru sekolah tersebut.

Terdahulu dari itu majlis sambutan dimulakan dengan bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran oleh Dayang Rozinah bte Jais dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua sekolah yang juga merangkap pengerusi majlis, Cikgu Haji Md. Taib bin Sulaiman.

Sebagai menghargai tetamu kehormat, satu

cenderamata kenangan telah disampaikan kepada beliau oleh pengetua sekolah tersebut.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Abd. Wahid bin Awang Besar.

Sambutan hari itu telah diakhiri dengan lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang dinyanyikan oleh pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Di antara tetamu yang hadir ialah ketua-ketua kampung di sekitar sekolah itu.



SEBAHAGIAN dari penerima lencana yang hadir di majlis itu bersama-sama suami isteri masing-masing.

BISTARI SAMBUT MAULUD DAN KEMERDEKAAN



Datin Edah

BERAKAS. — Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan Brunei (BISTARI) Jumaat lepas telah mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang juga diselenggarakan dengan menyambut Tahun Baru Masihi 1984 serta doa kesyukuran atas kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut telah dilangsungkan di rumah Timbalan Yang Dipertua BISTARI, Datin Hj.

Yukmas bte Muhammad di Kampung Lambak di sini.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci al-Quran telah disampaikan oleh Pengiran Datin Siti Mariam bte Pengiran Ahmad.

Datin Edah bte Haji Mohd. Noor selaku Yang Dipertua BISTARI telah memberikan sedikit ucapan. Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Tetap BISTARI, Yang Mulia Datin Hajjah

Naemah bte Haji Razali.

Majlis yang dihadiri oleh kira-kira 50 orang ahli BISTARI pada hari tersebut juga berkesempatan mendengar Syarahan Khas yang telah disampaikan oleh Pengerusi Undangan dari Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Ustaz Awang Haji Daud bin Junid.

Di akhir majlis doa selamat telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hj. Hindut bte Haji Lamat. — ZHS



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli BISTARI yang menghadiri majlis tersebut.

Taman Bertuturan

TUTONG. — Perpustakaan Kanak-Kanak Dewan Bahasa dan Pustaka Ahad lepas telah mengadakan satu lagi Taman Bertuturan Bergerak di Sekolah Melayu Kiudang di sini.

Taman Bertuturan pada hari tersebut adalah salah satu usaha Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Perpustakaan pada mendekatkan anak-anak kepada menggunakan masa lapang mereka terutama dengan perkara yang berfaedah bagi memperluaskan ilmu pengetahuan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

BANTUAN HAJI DENGAN WANG BUNGA

Menurut kitab Al Muqaddimah oleh al Hadramiah oleh al Allamat Asy-Syeikh Abdullah Bafadlin dan kitab Busyrah al-Karim bi syarhi Masaelit taklim ala al-Muqaddimah al Hadramiah : —

Lebih afdal dan lebih utama bersedekah kepada seteru yang terdiri dari kaum kerabat, kemudian kepada seteru yang bukan kerabat, dan orang yang banyak musuhnya lebih utama daripada yang kurang musuhnya, dan lebih afdal bersedekah kepada orang-orang yang mendatangkan kebajikan pada pandangan Syarak (seperti ulama, guru-guru agama, ahli dakwah dan ahli ibadah dan orang-orang salih dan penuntut-penuntut ilmu agama Islam), dan kepada orang yang berhajat bantuan, kedua-duanya itu lebih utama daripada orang lain daripada keduanya.

Disebutkan bahawa Al-Imam Abdullah bin Mubarak (dilahirkan pada tahun 118 Hijrah dan mati tahun 181 Hijrah) merupakan Imam besar (ulama besar) dalam Islam, dan guru besar dalam Islam, menulis (mengaji) mengenai ilmu Islam daripada empat ribu orang guru dan ulama

dan berjaya melahirkan anak murid yang meriwayatkan ilmu Islam (memanjangkan) ilmu Islam seramai seribu orang murid, ia hidup di zaman 'Tabice' Tabi'in zaman Al-Imam-Al-Imam Abu Hanifah, Malik, Shafie' dan Ahmad Hambali dan lain-lain ulama besar iaitu zaman selepas zaman sahabat-sahabat Nabi s.a.w., Radiallahu anhum ajmaien apabila ia bersedekah maka ia bersedekah kepada penuntut-penuntut ilmu Islam.

Sunan bersedekah dengan harta yang seseorang itu suka akannya (menyayangnya) menurut sebagaimana Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 92 yang tafsirannya : "Kamu tiada akan mendapat pahala dan syurga sehingga kamu belanja dan sedekahkan akan apa harta yang kamu suka dan sayang dari harta kamu itu." (dari Tafsir Al-Jalalin).

Makruh bersedekah dengan harta yang buruk, hodoh dan rendah kualitasnya jika ia mempunyai harta yang lain dari harta buruk dan hodoh itu, dan makruh bersedekah dengan harta yang ada padanya Subahat dan

Siri ke-209

kesamaran (pada halalnya atau pada haramnya).

Dari nas tersebut menjadi suatu dalil bahawa tiada sah bersedekah dengan wang bunga, wang 'interest' dan wang riba dan harta riba, kerana wang dan harta seperti wang dan harta bunga itu adalah hak kepunyaan Baitulmal umat Islam, bukan kepunyaan seseorang. Wang bunga itu adalah harta yang hilang dan tiada diketahui tuan punya pada adat dan menjadi kepunyaan umat Islam bagi muslihat umat Islam.

Kiranya seseorang Islam hendak bersedekah, dan hibbah (memberi) orang, adalah sah sedekah dan derma dan hibbah itu dari harta dan wang orang itu sendiri tiada dengan harta orang lain. Dengan berbuat begitu baharulah dapat sunat dan memperoleh pahala yang besar daripada Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat 261 yang tafsirannya : "Umpama membelanjakan harta-harta oleh mereka yang membelanjakan pada berbuat taat kepada Allah dan pada jalan Allah s.w.t.,

umpama sebiji benih gandum, telah menumbuhkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu seratus biji gandum, maka begitulah belanja mereka digandakan pahalanya sehingga tujuh ratus ganda (ertinya belanja satu sen pada berbuat taat kepada Allah diberi dan dikurniakan sehingga tujuh ratus ganda pahala mengikut kadar halal dan kadar bersih niat dan ikhlas dan jauh dari riba dan menunjuk-nunjuk), dan Allah s.w.t. akan mengurniakan berganda-ganda pahala lebih dari tujuh ratus ganda pahala itu menurut kadar taat, kadar halal harta dan kadar pemberi dan penerima, menurut suka dan kehendak Allah yang menentukan dan mengurniakan ganda pahala itu, dan Allah s.w.t. itu yang maha kuasa limpah kelebihan dan anugerah-Nya, lagi Yang Maha Mengetahui kepada siapa berhak dan layak menerima anugerah ganda pahala-Nya itu. (dari Tafsir Al-Jalalin).

Adapun bunga, interest dan riba, yang ada di tangan seseorang Islam itu, dan telah diberikan (dibelanjakan) pada muslihat umat Islam yang lebih bermuslihat dan lebih utama, umpamanya kepada

orang yang berhajat dan terdesak minta bantuan pertolongan, orang fakir, orang miskin, perbuatannya itu cuma melepaskan tanggungjawabnya dari wang bunga dan harta interest dan riba itu, kerana wang seperti wang bunga itu, wajib dan mesti diserahkan dan dilepaskan dari tanggungan kepada muslihat umat Islam atau kepada Baitulmal umat Islam.

Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat 276, yang tafsirannya : "Allah s.w.t. akan mengurangkan harta riba dan menghilangkan pertumbuhannya, dan Allah s.w.t. akan membanyakkan harta yang padanya sedekah, dan menyuburkannya, dan menambah-nambahkan pahalanya, dan Allah s.w.t. tiada sukakan tiap-tiap orang kafir yang menghalalkan riba, yang jahat makan riba, (Allah s.w.t. akan menyiksanya, dan orang Islam yang menghalalkan perkara yang nyata dan terang akan halal dan haramnya dalam agama Islam seperti haram riba, maka ia menjadi orang murtad dan ia keluar dari Islam dan tercerai isterinya daripadanya (dari Tafsir Al-Jalalin).

Ringkasannya jika



seseorang yang memiliki wang bunga, interest dan wang riba, dan ia hendak membelanjakan wang bunga tersebut pada meramai-ramai Kaabah dan mengimarahkannya (menyerikan) pada tiap-tiap tahun, dan pada memberi bantuan kepada orang Haji yang berhajat, cuma melepaskan tanggungjawabnya dari wang Baitulmal orang Islam, bukan sedekah atau derma atau pemberian daripadanya, kerana sedekah, derma dan hibbah serta pemberian, hanya sah dan lulus menurut syarak dengan harta milik sendiri, tidak dari harta orang lain sebagaimana Firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Maidah ayat 27 yang tafsirannya : "Hanya sanya Allah s.w.t. akan menerima amal ibadah dan sedekah itu daripada orang-orang yang bertaqwa yang takukan Allah s.w.t." (dari Tafsir Al-Jalalin).

Jelas bahawa orang yang menjalankan riba bukan orang yang takutkan Allah s.w.t. menurut ayat di atas ini.

WALLAHUAKLAM

Keputusan Sijil Tinggi Agama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 16 orang dari 18 calon yang menduduki Peperiksaan Sijil Tinggi Agama telah lulus dengan 88.9 peratus.

Peperiksaan yang buat pertama kalinya diadakan di negara ini diselenggarakan oleh Lembaga Peperiksaan Yayasan Islam Kelantan telah diadakan penghujung tahun lepas di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hasanah Bolkiah di Jalan Tutong.

Peperiksaan ini mengandungi sembilan mata pelajaran termasuk satu subjek Bahasa Malaysia dan yang lain-lain dalam Bahasa Arab. Menurut pihak yang berkenaan peperiksaan ini setaraf dengan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat A.

Calon-calon yang telah lulus itu adalah seperti berikut: Adanan bin Haji Besar @ Hj. Besar 1, Ahmad bin Hj. Jumat 1, Ak. Adnan bin Pg. Mumin 2, Ismail bin Hj. Abd Manap 3, Mazanan bin Yusuf 2, Md. Yamin bin Md. Noor 2, Sabtu bin Taai 2, Sarkawi bin Awg. Hj. Abu Bakar 3, Zilani bin Bungsu 3, Dk. Noor Saedah bte Pengiran Muda Haji Ismail 2, Norhashimda bte Sawal 1, Noorjarah bte Hj. Luidin 1, Palm bte Hj. Liman 2, Rosnah bte Awg. Hj. Mataha 1, Ruffidah bte Awg. Hj. Sulaiman 2 dan Siti Marjiana bte Awg. Hj. Mohamad 1.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 2,440 orang calon dari 3,954 orang calon dari sekolah-sekolah rendah Kerajaan dan bukan Kerajaan yang memasuki Peperiksaan Primary Certificate of Education - P.C.E. bagi tahun 1983 telah lulus.

Menurut analisa keputusan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei pada minggu lalu, peratus kelulusan keseluruhannya ialah bersamaan dengan 67.89 peratus.

Dari jumlah yang lulus itu, seramai 1,779 orang calon ialah dari 39 buah Sekolah Kerajaan dan 661 orang calon lagi ialah dari 18 buah sekolah bukan Kerajaan.

Peratus kelulusan bagi sekolah-sekolah Kerajaan ialah bersamaan dengan 67.11 peratus sementara peratus kelulusan bagi sekolah-sekolah bukan Kerajaan ialah 70.11 peratus.

Sekolah Agama Arab telah mengatasi lain-lain sekolah Kerajaan dengan mendapat 100 peratus lulus. Sekolah tersebut mengemukakan seramai 27 orang calon.

Ini diikuti oleh S.P.I. Kilanas dan S.P.I. Sungai Hanang yang masing-masing memperoleh 96.43 peratus lulus; S.P.I. Seria - 87.66 peratus; S.P.I. Angerek Desa - 82.24 peratus; S.P.I. SAB Sungai Besar - 81.25 peratus;

2,440 orang calon lulus P.C.E.

S.R.P.D.N.P. Jaya Sengkarai - 80.67 peratus.

Peratus kelulusan yang diperolehi oleh lain-lain sekolah adalah seperti berikut:

S.P.I. Mabohai - 62.66 peratus; S.P.I. Dato Ahmad 60.53 peratus; S.P.I. Pehin Dato Jamil 52.38 peratus; S.P.I. Haji Tarif 45.00 peratus; SR Dato Godam 71.93 peratus; S.P.I. Amar Pahlawan - 78.05 peratus; S.P.I. Mulaut - 77.50 peratus; S.P.I. Datu Mahawangsa Lambak - 72.34 peratus; BPS SUAS, Muara - 72.73 peratus; SPI Sengkurong - 55.26 peratus; S.P.I. Dato Gandi 65.31 peratus; S.P.I. Pengkalan Batu - 45.76 peratus; S.P.I. Lumapas - 53.97 peratus; S.P.I. Serasa - 77.61 peratus; S.P.I. Bendahara Sakam Bunut 72.88 peratus; S.P.I. Pulaie - 61.90 peratus; S.P.I. Menglait 53.33 peratus.

Pusat Pengajaran Gadong - 60.71 peratus; S.P.I. Sungai Kebun - 41.13 peratus; S.P.I. Mata-Mata Gadong - 67.74 peratus SM Arab Laki-Laki Hasanah Bolkiah - 88.46 peratus; S.P.I. PAP Besar - 62.50 peratus; S.P.I. Keriam 50.55 peratus; S.P.I. Kiudang 44.20 peratus; S.P.I. Tanjong Maya 67.44 peratus; S.P.I. Battalion Kedua 64.71 peratus; S.P.I. Panaga Seria 52.38 peratus; S.P.I. Kuala Belait 79.50 peratus; S.P.I. Sungai Liang 69.62 peratus; S.P.I. Bangar Temburong

69.62 peratus; S.P.I. Puni 56.00 peratus dan S.P.I. Bokok 60.00 peratus.

Tiga buah sekolah bukan Kerajaan telah mendapat 100 peratus lulus. Sekolah itu ialah St. Michael, Seria, St. John's, Kuala Belait dan Sekolah PGMB, Bandar Seri Begawan.

Ini diikuti oleh Sekolah St. Andrew's dengan 99.31 peratus; Sekolah St. George's dengan 98.82 peratus lulus; Sekolah St. Margaret's dengan 97.44 peratus; Sekolah St. Angela's dengan 92.31 peratus; Sekolah St. Jame's dengan 80.29 peratus.

Peratus kelulusan yang diperolehi oleh lain-lain sekolah adalah seperti berikut:

Sekolah Menengah Chung Hwa B.S.B. - 47.80 peratus;

S.M. Chung Hwa Kuala Belait 16.00 peratus; S.M. Chung Ching, Seria 30.30 peratus; S.M. Chung Lian, Sg. Liang - 64.29 peratus; Sekolah Chung Hwa, Labi - semua gagal; Chung Hwa Kiudang - 75.00 peratus; Chung Hwa Tutong - 66.67 peratus; Sekolah China Pai Yuak, Temburong - 14.29 peratus; Sekolah Antarabangsa - 75.00 peratus dan Sekolah Taman Asohan-Dayang Faridah - 63.00 peratus.

Sementara itu Lembaga Peperiksaan juga mengumumkan keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (Darjah VI) bagi tahun 1983.

Dari seramai 621 orang calon yang menduduki peperiksaan tersebut di seluruh negara hanya 195 orang lulus sahaja yang lulus iaitu bersamaan dengan 31.40

peratus.

Dua puluh buah sekolah di Daerah Brunei mengemukakan 286 orang calon dan 77 orang daripadanya lulus. Peratus kelulusan adalah bersamaan dengan 26.92 peratus.

Di Daerah Tutong, seramai 94 orang calon yang menduduki peperiksaan tersebut. 47 orang daripadanya lulus bersamaan dengan 50.00 peratus.

Sekolah-sekolah di Daerah Belait mengemukakan seramai 175 orang calon dan 43 orang daripadanya telah lulus iaitu bersamaan dengan 24.57 peratus.


Seramai 66 orang calon menduduki peperiksaan tersebut di Daerah Temburong dan 28 orang darinya telah lulus iaitu bersamaan dengan 42.42 peratus.

Sekolah Agama Kilanas akan dirasmikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Mesyuarat Pembukaan Rasmi Bangunan Baru Sekolah Agama Mukim Kampong Kilanas telah diadakan pada 10 Januari lalu bertempat di Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas, Jalan Tutong Brunei.

Antara yang hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Penghulu Kampong Kilanas Datu Derma Wijaya Awg. Hj. Tamit bin Aspar, Ketua-Ketua Kampong Kilanas, Kampong Tasek Meradun, Kampong Bunut, Kampong Medewa, Kampong Tanjong Bunut, dan Kampong Bengkurong.

Tujuan mesyuarat itu diadakan adalah untuk membincangkan bagi persediaan Pembukaan Rasmi Sekolah tersebut dan sebagai satu acara sambutan Mukim itu sempena hari Kemerdekaan Darussalam.



MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Kita manusia ini mustahak benar-benar berhati-hati dari sifat-sifat yang dibenci oleh Allah jika kita pakai. Biasanya sifat-sifat itu amat gemar dipakai orang seperti takbur dan sombong selalu menjadi pakaian orang, terutamanya orang yang merasa kelebihan pada dirinya, ada keistimewaan dan pangkat atau orang yang banyak wang atau tinggi ilmunya dan lain-lain lagi.

Ingatlah semua kelebihan dan keistimewaan itu datangnya daripada Allah. Dialah yang memberinya. Jadi tidak ada alasan untuk kita bermegah-megah dan takbur. Orang-orang yang diberi kelebihan pangkat, wang atau ilmu itu bukanlah percuma begitu sahaja. Kerana setiap yang ditakdirkan oleh Allah itu ada dengan hikmatnya atau rahsiannya. Mungkin Dia sedang menguji kita. Kerana ujian Allah itu berlaku di dalam susah dan juga di dalam senang kita. Ujian di dalam susah lebih mudah dan senang menginsafkan orang, tetapi ujian dalam senang itu tidak ramai yang menyedarinya. Kerana itulah manusia ini selalu sahaja naik sedap, mudah terdorong kepada hal-hal yang tidak disukai oleh Allah. Jika dia berpangkat, lupa dia kepada orang yang di bawahnya. Jika dia berharta dia megah dengan hartanya, dan jika dia berilmu dia sombong dengan ilmunya. Semua ini adalah menunjukkan kepada sifat-sifat takbur, sombong dan bermegah-megah yang

orang yang di bawahnya. Jika dia berharta dia megah dengan hartanya, dan jika dia berilmu dia sombong dengan ilmunya. Semua ini adalah menunjukkan kepada sifat-sifat takbur, sombong dan bermegah-megah yang

Semua kelebihan dan keistimewaan datang dari Allah:

TIDAK ADA ALASAN UNTUK BERMEGAH MEGAH

dilarang oleh Allah.

BERMEGAH—MEGAH

Banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. yang mencela sifat-sifat sombong, takbur dan bermegah-megah itu. Di antaranya sila rujuk surah-surah Al-Akraf ayat 146, An-Nahl ayat 22 dan 23, Lukman ayat 18 dan 19, Al-Qasas ayat 83, Al-Mukmin ayat 35, Al-Mukmin ayat 60 dan Al-Isra' ayat 37 dan 38. Semua ayat-ayat ini mencela dan megecam orang-orang yang sombong, yang bermegah-megah dan takbur, dan menjanjikan mereka dengan api neraka.

Di antara tanda orang sombong dan takbur ialah tidak patuh kepada Allah atau dengan kata lain hatinya tidak beriman kepada akhirat. Hanya orang yang benar-benar beriman kepada akhirat sahaja hatinya tidak sombong bahkan suka merendah, tawaduk dan kyusuk. Cuba perhatikan ayat 22 dan 23 Surah An-Nahl yang bermaksud lebih kurang di bawah ini :

"Tuhan kamu ialah Yang Maha Esa, dan orang-orang yang tidak beriman kepada akhirat, hati mereka itu engkar (menolak). Mereka adalah orang-orang yang sombong."

Sebenarnya Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dan nyatakan. Sesungguhnya Dia (Allah) tidak menyukai orang-orang yang sombong."

TIDAK MASUK SYURGA

Sementara Hadis Nabi s.a.w menerangkan daripada sahabat Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu Anhu, Nabi s.a.w ada bersabda lebih kurang maksudnya : "Tidak masuk syurga siapa yang di dalam hatinya terdapat sebesar zarrah dari perasaan sombong atau takbur." Berkata seorang laki-laki : "Sesungguhnya seseorang itu suka bajunya cantik dan kasutnya cantik." Sabda Nabi : "Sesungguhnya Allah itu cantik, Dia suka kepada

kecantikan. Adapun sifat sombong dan takbur itu tiada betul menggunakan nikmat dan memandang hina serta mencero boh hak-hak manusia." (Hadis riwayat Muslim dan At-Tarmizi).

Berdasarkan keterangan al-Quran dan hadis-hadis Nabi mengenai dengan sifat sombong atau takbur itu, maka kita orang-orang Islam patut benar-benar mengambil ingatan yang berat jangan sampai kita tergolong ke dalam golongan orang-orang yang bersifat demikian. Sebab padahnya adalah amat buruk sekali, boleh merosakkan amal ibadat kita di samping kesannya kepada kehidupan seseorang dan masyarakat juga amat jahat dan membinasakan.

NIATKAN PERBUATAN KERANA ALLAH

KITA hidup di dalam alam seagat ini bergerak-gerak lantaran kita bernyawa. Nyawa atau roh itu adalah suatu yang tidak dapat dilihat di mana letaknya, tetapi manusia diketahui tiada bernyawa apabila ia tidak bergerak atau sedudah ia mati — nyawa adalah kurnia Allah s.w.t. yang amat besar nikmatnya — nikmat itu bukan sahaja dikurniakan kepada jenis manusia bahkan kepada semua makhluk yang hidup melata dan hatta ulat di dalam batu dikurniakan nyawa.

Oleh kerana manusia ini dikurniakan nyawa yang membolehkan ia bergerak ke sana ke mari mencari makan, mencari kesenangan dan keperluan untuk hidup — mencari untuk keperluan hidup ialah makanya manusia perlu bekerja, berusaha, berfikir dan bertindak.

Dalam dunia yang sudah maju dan bertamaddun ini, manusia membuat amal yang bermacam-macam mengikut tahap kemampuan jasmani dan fizikal — ada yang bakti kepada bumi sebagai petani, ada yang menjadi nelayan, ada yang menjadi saudagar, ada yang menjadi pemimpin dan bermacam-macam lagi amalan dan tugas yang boleh dilakukan — dan semuanya itu adalah dengan tujuan dan matlamatnya yang sama iaitu ingin menyambung hidup atau keperluan-keperluan hidup.

Allah s.w.t. telah memberikan ajaran melalui

Menuju keredaan Allah

Agama Islam dalam menjalankan tugas-tugas hidup dan kehidupan sehari-hari dalam semua bidang dan tugas — ajaran itu adalah untuk menuju keredaan Allah iaitulah matlamat yang akhir bagi Mukmin dan Muslim — jalankan khidmat dan tugas-tugas kita dengan ikhlas. Untuk menumpukan semuanya itu sama ada ikhlas atau berbangga adalah puncanya daripada hati, — manakala hati akan membawa haluan yang dinamakan "niat", jika amalan-amalan itu ditujukan dengan niat kerana Allah maka itulah khidmat yang ikhlas — manakala sebaliknya maka itulah khidmat yang ria dan bukan kerana Allah. Dalam konteks niat dan amal ini, Rasulullah s.a.w. ada bersabda melalui sahabatnya Sayidina Umar bin Al-Khattab yang bermaksud :

"Dari Sayidina Umar bin Al-Khattab katanya : Aku telah mendengar Rasulullah bersabda : Bahawa segala perbuatan itu hendaklah dengan niat, hanya bagi tiap-tiap seseorang itu apa yang diniatkannya, jika hijrahnya

diniatkan kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya itu adalah kerana Allah dan Rasul-Nya jua, jika hijrahnya bertujuan untuk kepentingan dunia dan untuk berkahwin dengan perempuan maka hijrahnya itu adalah kepada tujuannya sahaja."

Niat yang letaknya dalam hati itu adalah dapat memperbezakan amal ibadat dengan amal yang dilakukan sebagai adat, seperti duduk di masjid dengan tujuan berehat-rehat, mandi kerana tujuan syarak tidaklah sama dengan mandi biasa. Walhal pekerjaan duduk di masjid dan mandi itu adalah sama perbuatan keduanya. Duduk di masjid kerana berehat-rehat tidak mendapat pahala tetapi duduk beriktikaf kerana Allah ada pahalanya. Mandi kerana Allah ada pahalanya dan mandi kerana menghilangkan panas atau bau busuk badan tidak mendapat apa-apa pahala. Itulah contoh perbuatan dengan niat kerana Allah dan perbuatan yang tidak diniatkan kerana Allah.

Bertugas mengajar di sekolah kerana Allah berpahala, bertugas menjadi doktor kerana Allah berpahala, mencangkul jalan kerana Allah berpahala, menghantar surat-surat pejabat kerana Allah berpahala dan begitulah seterusnya yang berpunca dari niat yang jujur semata-mata kerana Allah segala amalan akan mendapat ganjaran pahala dan keredaan Allah.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18 Januari, 1984 hingga ke hari Selasa 24 Januari, 1984 adalah seperti di bawah ini :—

Hari Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
18 Jan	12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
19 Jan	12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
20 Jan	12.36	3.57	6.32	7.44	5.03	5.18	6.35
21 Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
22 Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
23 Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35
24 Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20	6.35

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

Latihan mencegah kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Bomba akan mengadakan skim latihan mencegah kebakaran bagi kakitangan Ibu Pejabat Telekom, serta penduduk-penduduk Kampong Panchor Papan dan Kampong Kupang di Daerah Tutong.

Skim latihan bagi kakitangan Ibu Pejabat Telekom akan bermula pada 24 Januari 1984 bertempat di Balai Bomba Bandar Seri Begawan bermula jam 8.30 pagi.

Seramai 39 orang pen-

duduk dari Kampong Panchor Papan juga akan mengikuti latihan ini selama tiga hari yang bermula pada 20 Januari 1984 jam 8.30 pagi hinggalah pada 21 dan 22 Januari 1984 yang masing-masing akan bermula pada pukul 4.00 petang bertempat di Balai Bomba Tutong.

Sementara itu bagi penduduk-penduduk Kampong Kupang, skim latihan ini akan dimulakan pada 27 Januari 1984 jam 8.30 pagi manakala pada 28 dan 29 Januari 1984 dimulakan pada jam 4.00 petang bertempat di Sekolah Melayu Kupang.

Melayu Malaysia adakan majlis kesyukuran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Melayu Malaysia Di Brunei akan mengadakan majlis kesyukuran sempena kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada hari Ahad, 5 Februari, 84 bertempat di Dewan Pusat Belia.

Oleh yang demikian rakyat Malaysia di negara ini adalah dipersilakan menghadirinya dengan memakai pakaian kebangsaan.

Keterangan lanjut mengenai majlis itu boleh diperolehi dari Setiausaha persatuan itu Awang Marmin bin Haji Idris melalui telefon 29542.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

